

14/04/2002

Imej Tok Pa perkukuh peluang Umno di Kelantan

Syed Akbar Ali

POLITIK Kelantan berkocak lagi. Kali ini bukan Pas yang membawa badai, tetapi Umno pula yang menjadi perhatian ramai.

Menurut laporan akhbar yang di luar sangkaan sesiapa pun, sekumpulan 12 orang Ketua Bahagian Umno Kelantan cuba mempertikaikan kepemimpinan Datuk Mustapa Mohamad, atau Tok Pa, Setiausaha Badan Perhubungan Umno Kelantan dan beberapa lagi pemimpin parti di Kelantan sebagai tidak berkesan.

Presiden Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pula memberi gelaran 'hantu' kepada golongan yang membangkitkan isu ini.

Kenyataan Dr Mahathir dengan sekali gus menutup ruang bagi mereka untuk merayu kepada kepemimpinan tertinggi parti kerana jelas bahawa pimpinan parti menyokong penuh Tok Pa sebagai Ketua Umno Kelantan.

Ketika lawatannya ke Kelantan Jumaat lalu, Dr Mahathir menegaskan semua jawatan Ketua Umno negeri adalah dilantik oleh Presiden dan mesti dihormati oleh semua ahli parti.

Dr Mahathir tentu arif mengenai kedudukan Umno di Kelantan kerana beliau sendiri menyandang jawatan Ketua Umno Kelantan selama 10 tahun hingga pilihan raya 1999. Dr Mahathir faham akan realiti di Kelantan dan siapa patut menerajui pimpinan Umno Kelantan.

Pergolakan politik Umno Kelantan sebenarnya mempunyai terlalu banyak maksud tersirat yang patut ditafsir dengan baik dan betul untuk meraih keuntungan yang maksimum bagi Umno Kelantan.

Orang Kelantan yang begitu arif dengan musim tengkujuh dan ribut geloranya faham bahawa tanpa angin kencang, tidak ada ombak melanda. Maka ombak besar yang melanda Umno Kelantan adalah akibat kekuatan angin kencang meniup dalam parti. Umno Kelantan sudah bernyawa kembali. Ini adalah satu petanda yang baik.

Jika tokoh kencang dalam Umno Kelantan menggabungkan tenaga dan kepakaran masing-masing, Umno mempunyai potensi besar menggulingkan Pas pada 2004.

Misalnya Datuk Ibrahim Ali adalah seorang lagi tokoh yang mempunyai bakat mematahkan hujah Pas. Beliau selalu dapat menjawab Menteri Besar Kelantan dengan tepat dan tajam. Beliau juga dikenal dalam parti sebagai seorang yang bijak merancang dan mengatur program tertentu.

Datuk Annuar Musa pula dikenali sebagai seorang peminat yang mungkin tiada tandingnya di Kelantan. Dan Tengku Razaleigh Hamzah yang begitu lama berkhidmat di Kelantan dihormati paling ramai rakyat negeri itu.

Pengalaman beliau sebagai Menteri Kewangan dan ahli Kabinet untuk tempoh yang begitu lama memberi banyak sumbangan positif kepada kekuatan Umno di Kelantan.

Kelantan perlu ingat bahawa pada 1999 Pas menang 10 kerusi Parlimen saja. Tiga kerusi Parlimen dimenangi Keadilan dan satu lagi dimenangi BN. Oleh kerana riwayat politik Keadilan sudah tamat dan paling ramai sekali ahlinya menyertai semula Umno, peluang amat cerah bagi BN memenangi semula sekurang-kurangnya empat kerusi Parlimen di Kelantan.

Kerusi Parlimen lain yang dimenangi Pas pada 1999 adalah akibat peristiwa malang mata lebam orang lain yang dieksploitasi oleh Pas dengan begitu licik sekali. Oleh kerana peristiwa malang itu tidak akan berulang lagi, tidak mustahil bagi BN menawan semula semua kerusi Parlimen yang tertewas sebelum ini. Sebagai contohnya Parlimen Jeli jatuh ke tangan Pas dengan majoriti 693 undi saja.

Begitu juga sentimen kemarahan pengundi akibat daripada peristiwa mata

lebam memberi Pas kemenangan di 41 kerusi DUN di Kelantan. Dalam pilihan raya umum sebelumnya pada 1995, Pas hanya mendapat 24 kerusi DUN manakala Semangat 46 menang 12 kerusi dan BN 7 kerusi DUN.

Sekiranya tidak ada lagi sebarang bencana di luar jangkaan menimpa BN pada 2004, BN mempunyai peluang baik menawan semula semua kerusi yang dimenangi BN dan Semangat 46 pada 1995 untuk menambahkan lagi kejayaan mereka.

Kelantan sudah dibelenggu pemerintahan Pas selama 12 tahun. Akhir sekali keberkesanan kepemimpinan Umno Kelantan akan terbukti daripada bilangan kerusi Parlimen dan Adun yang bakal dimenangi pada pilihan raya 2004 menjelang tiba.

Sekiranya pilihan raya umum diadakan pada 2003, hanya tinggal lapan bulan lagi dan countdown akan bermula. Lebih elok `fokus' kepada usaha memenangi pilihan raya daripada khuatir mengenai projek dan kontrak.

Sebagai Ketua Umno Kelantan, Tok Pa menonjolkan teladan yang baik kerana walaupun sibuk dengan pelbagai jenis portfolio dan tugas beliau di peringkat negeri dan pusat, beliau berusaha dengan gigih dan bersungguh untuk parti.

Beliau mencapai banyak kejayaan untuk memulihkan imej Umno sejak menyandang jawatan Ketua Penerangan. Mesyuarat strategi yang dipengerusikan beliau amat berkesan mengatitkan strategi dan program yang khusus yang membantu Umno di semua peringkat. Pada keseluruhannya sumbangan Tok Pa sebagai Ketua Penerangan diterima baik oleh Umno.

Oleh itu keputusan Tok Pa untuk melepaskan jawatan Ketua Penerangan Umno adalah satu pengorbanan besar untuk membantunya menumpukan lebih banyak masa dan tenaga di Kelantan. Walaupun jawatan Ketua Penerangan lebih `glamour' dan lebih akrab dengan pucuk pimpinan dan pengurusan parti, beliau serius untuk membantu Umno Kelantan menghadapi pilihan raya 2004.

Beliau kerap berada di Kelantan dan meluangkan banyak masa untuk menemui rakyat. Popularitinya di Jeli memang terserlah kerana walaupun kemarahan pengundi memuncak akibat peristiwa mata lebam pada 1999, BN masih dapat meraih 14,830 undi berbanding dengan 15,523 undi untuk Pas di Parlimen Jeli. Beliau tewas 693 undi saja.

Dan sejak 1999, Tok Pa mulakan usaha yang gigih untuk memenangi semula Parlimen Jeli. Pelbagai program rakyat dikendalikan untuk faedah rakyat Jeli. Sebagai contohnya, selama empat tahun ini lebih 100 pelajar sekolah menengah mendapat tuisyen percuma di rumah beliau. Perkara yang menarik ialah ahli Pas pun menghantar anak mereka belajar tuisyen di rumah beliau. Ini membuktikan bahawa kesungguhannya berkhidmat untuk rakyat amat dihargai orang termasuk penyokong Pas. BN mempunyai harapan cerah untuk menang semula kerusi Parlimen Jeli.

Inilah antara peranan dan sumbangan paling penting yang perlu dimainkan Umno Kelantan iaitu untuk senantiasa berkhidmat kepada masyarakat pada peringkat akar umbi tanpa mengharapkan balasan atau ganjaran tertentu.

Bukan Tok Pa saja seorang yang berkhidmat dengan bersungguh-sungguh di peringkat akar umbi di Kelantan, tetapi jika ramai lagi wakil Umno Kelantan mempunyai komitmen yang serupa maka tugas Umno untuk menawan semula Kelantan akan begitu mudah.

Sebagai parti pemerintah, Pas boleh memberi kontrak balak dan projek kepada kroni dan mengamalkan nepotisme dalam memberi jawatan. Sebagai parti pembangkang di Kelantan Umno perlu bekerja keras untuk menawan semula negeri itu dulu. Walaupun demikian terdapat juga beberapa orang jutawan di kalangan pemimpin Umno Kelantan yang boleh memberi sumbangan lebih bermakna bagi membantu parti mencapai kejayaan. Jutawan ini mendapat banyak faedah daripada rancangan pembangunan kerajaan dan patut membalas budi dengan pengorbanan kepada perjuangan bangsa dan negara.

Walaupun bukan seorang jutawan, Datuk Mustapa Mohamed dikenali sebagai

seorang workhorse atau rajin bekerja kuat yang gemar mendekati rakyat di akar umbi. Beliau menonjolkan kesabaran dan peribadi yang sederhana. Ahli Umno yang mempertikaikan pimpinan beliau pun mengaku Tok Pa seorang yang baik dan bersopan. Stail penyabar dan tidak kontroversi ini ada manfaatnya untuk membawa ketenangan kepada politik Kelantan yang agresif dan hiruk-pikuk.

Ada penyokongnya yang berniat baik mencadangkan setiap kali beliau mendarat di lapangan terbang Pengkalan Chepa, mereka boleh mengaturkan majlis dan rapat umum untuk menyambut setiap ketibaannya sesuai dengan status ketua Umno Kelantan. Hakikatnya ialah Tok Pa lebih suka menaiki kereta Proton Wira dan beredar dari lapangan terbang daripada menyusahkan sesiapa pun menunggunya dengan rombongan kecil atau besar.

Beliau lebih suka mulakan tugas dan menyelesaikan tugas dengan secepat mungkin. Inilah wajah Tok Pa yang sebenarnya. Tidak mungkin beliau akan menukar personalitinya untuk memukul canang di sana sini.

Di peringkat negeri dan juga kebangsaan, imejnya terbukti sebagai seorang yang bersih, rajin bekerja dan berwibawa. Sebenarnya imej seperti inilah yang amat laku di kalangan rakyat terutama sekali penduduk Kelantan tidak kira penyokong Pas atau Umno. Mereka juga berbangga seorang lagi anak Kelantan diberi kepercayaan menyandang jawatan seperti Pengarah Eksekutif Majlis Tindakan Ekonomi Negara. Sebelum itu beliau dilantik menjadi Menteri Kewangan Kedua.

Pemimpin Umno di Kelantan jangan terhad penglihatan mereka setakat di hujung hidung saja. 2004 membawa peluang yang cerah bagi Umno menawan semula Kelantan. Itulah matlamat yang lebih besar yang patut dijadikan sasaran sekarang.

Ahli Umno Kelantan yang mempunyai visi jauh patut berdiri teguh di belakang Tok Pa kerana calon yang berwibawa seperti beliau amat dihargai oleh semua pengundi. Malah ada pemimpin Pas pun rasa amat hairan kenapa segelintir ahli Umno Kelantan boleh memikir untuk menukarnya.

Identiti Tok Pa sebagai tokoh politik di Kelantan dan peringkat kebangsaan yang boleh diterima penyokong BN dan penyokong Pas membawa peluang baik bagi Umno Kelantan. Akhir sekali Umno Kelantan dan Umno secara amnya akan untung besar.

(END)